

Depoh Pantai Sentral tampung peningkatan kereta terbiar, tersadai

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menambah sebuah lagi depoh kereta tunda di Pantai Sentral bagi menampung keperluan penyimpanan kenderaan tersadai di ibu kota.

Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi DBKL, Ismadi Sakirin berkata, setakat ini DBKL telah mempunyai tiga depoh simpanan iaitu di Taman Connaught dan Jalan Emas, Cheras serta Depoh Sentul yang mampu menampung 3,000 kenderaan.

Menurutnya, pembinaan depoh Pantai Sentral dijangka dapat menampung 800 unit kenderaan pada satu masa.

"Pembangunan depoh ini selaras dengan keperluan penambahan ruang penyimpanan kenderaan tersadai dan buruk yang ditunda bagi menangani aduan awam diterima.

"Peningkatan aduan awam bagi kenderaan tersadai dan buruk yang semakin meningkat saban tahun menjadikan ruang

penyimpanan sedia ada semakin terhad," katanya semasa merasmikan Depoh Tunda Kenderaan DBKL di Pantai Sentral pada Jumaat.

Ismadi berkata, sikap tidak bertanggungjawab segelintir pemilik kenderaan membiarkan kenderaan rosak dan usang di kawasan perumahan mahu pun di bahu jalan menimbulkan kesulitan kepada warga kota kerana ia menggunakan petak parkir yang terhad.

"Pemilik kenderaan dinasihatkan supaya mengambil inisiatif secara sukarela untuk membuat pelucutan hak kenderaan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) supaya kenderaan tersebut boleh dilupuskan dan dapat mengurangkan masalah kenderaan tersadai," katanya.

Dalam pada itu beliau memaklumkan, depoh Pantai Sentral berkeluasan 1 hektar dibina dengan kos RM600,000 di atas tanah milik Datuk Bandar Kuala Lumpur.



Depoh simpanan kereta tunda di Pantai Sentral bagi menampung kenderaan terbiar dan tersadai di Kuala Lumpur.